

12 JUN 2003

Samy-Air

SAMY VELLU AKAN JUMPA MB DAN KETUA MENTERI BINCANG ISU AIR

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu akan mengadakan perjumpaan dengan semua Menteri Besar, Ketua Menteri, Exco Negeri dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam pembekalan air tidak lama lagi.

Katanya perjumpaan itu perlu diadakan sebelum beliau bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan masalah-masalah air di seluruh negara.

"Saya akan berjumpa dengan Menteri Besar, Ketua Menteri, Exco negeri dan syarikat yang terlibat dengan air sebelum Perdana Menteri berjumpa mereka bagi membincangkan masalah yang dihadapi oleh kerajaan negeri dalam pembekalan air," katanya.

Samy Vellu berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan buku dan cakera padat video (VCD) bertajuk "Sinthanai Thuligal" di sini hari ini. Buku dan VCD itu adalah mengenai kata-kata nasihat kepada masyarakat.

Semalam, Dr Mahathir meminta kerajaan negeri mengkaji semula sama ada ingin terus memikul tanggungjawab menyediakan bekalan air di negeri masing-masing memandangkan mereka tidak berupaya dari segi kewangan untuk berbuat demikian.

Samy Vellu berkata kerajaan negeri memerlukan RM2.5 bilion hingga RM3 bilion untuk mengatasi masalah air di negeri masing-masing, termasuk bagi mengatasi masalah paip bocor, kecurian air dan paip lama.

Katanya kerajaan negeri harus menimbang cadangan itu kerana permintaan air di negara sekarang adalah tinggi.

Beliau berkata sekiranya kerajaan mengambil alih pembekalan air di negeri-negeri, ia tidak akan menjejaskan pembekalan air kepada Singapura.

"Malaysia akan teguh pada perjanjiannya (antara Malaysia dan Singapura)," katanya.

-- BERNAMA

MPA SSA ROS